



Atlet MSSD dan warga UTHM Pagoh dari kelas Kokurikulum Olahraga UQS 12001, Pusat Pengajian Umum Kokurikulum bergambar ceria selepas tamat Program Kemahiran Asas Olahraga yang diadakan di Stadium Edu Hub Pagoh, Muar, baru-baru ini.

## ***Jalani latihan jasmani bersama atlet***

**PAGOH** - Penuntut Pusat Pengajian Umum Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Kampus Pagoh bertuah kerana berpeluang mengadakan kursus jasmani bersama atlet di bawah Majlis Sukan Sekolah Daerah (MSSD) Muar dalam Program Kemahiran Asas Olahraga bagi Acara Balapan pelajar Kursus Kokurikulum Olahraga UQS 12001.

Tenaga pengajar, Ismade Niam berkata, program itu diadakan bersempena Festival

Kokurikulum Mahasiswa (Fieskom) 2017.

Menurutnya, program itu melibatkan dua buah kelas iaitu Seksyen 7 dan 9 yang terdiri daripada 60 pelajar.

“Program ini turut melibatkan seramai 20 atlet dari UTHM Pagoh yang berperanan untuk mengadakan sesi latihan jasmani kepada 18 atlet MSSD.

“Sebanyak lapan stesen disediakan bagi tujuan Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang turut merangkumi aktiviti lari pecut 40m,

aktiviti back and front throw, jangkauan melunjur dan pelbagai lagi,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, kesemua aktiviti LDK yang dijalankan ini adalah untuk mempersiapkan diri atlet bagi menghadapi Kejohanan Sukan Johor (Sukjo) yang akan datang.

Beliau berkata, program julung kalinya ini diadakan bertujuan memberikan pendedahan secara praktikal kepada peserta program yang terdiri daripada penuntut

UTHM Pagoh dalam menguruskan sesuatu program dan sebagai agen penggerak masyarakat terhadap kerja-kerja sukarelawan.

“Penganjuran program dengan usaha sama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Muar ini juga bertujuan memperkasakan bakat atlet-atlet MSSD.

“Pada masa sama, ia dapat mewujudkan pertalian silaturahim antara peserta program dan atlet-atlet yang hadir,” katanya.